

Azmi Jumat kekal sebagai Presiden PPUMS

UB 14.7.2017 A5

KOTA KINABALU: Azmi Jumat kekal sebagai Presiden Persatuan Pegawai Pengurusan dan Profesional Universiti Malaysia Sabah (PPUMS) apabila meraih undian majoriti pada Mesyuarat Agung Tahunan kali ke-11 PPUMS yang berlangsung pada Khamis di UMS.

Kejayaan itu sekali gus menjadikan Timbalan Pendaftar di Fakulti Kejuruteraan UMS itu menyandang jawatan itu dua penggal berturut-turut sejak tahun 2015.

Beliau akan menerajui tumpuk kepimpinan PPUMS sehingga 2019 dengan dibantu Penolong Pendaftar Kanan Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB) Suhaimie Sahabuddin selaku Timbalan Presiden yang telah mencatatkan kemenangan tanpa bertanding.

Turut meraih kemenangan

tanpa bertanding adalah jawatan bendahari yang menjadi milik Akauntan Jabatan Bendahari UMS Al-Hami Zurairi Yahya Mahmood.

Jawatan Setiausaha Agung PPUMS pula menyaksikan satu persaingan sengit apabila proses pemilihan melibatkan calon satu lawan satu.

Namun tuah lebih memihak kepada Alna Tugon setelah Penolong Pendaftar Kanan di Jabatan Hal Ehwal Pelajar itu berjaya mengekalkan jawatan yang disandangnya pada penggal lalu dengan meraih jumlah undian terbanyak.

Alna akan dibantu oleh Pegawai Hal Ehwal Islam Pusat Islam UMS Noorisah Talijid yang juga mencatatkan kemenangan tanpa bertanding bagi jawatan Penolong Setiausaha.

Pemilihan kali ini turut memperlihatkan seramai 19 ahli bertanding bagi mengisi 10

jawatan exco PPUMS.

Kesemua yang terpilih terdiri daripada gabungan muka baharu dan lama, mereka ialah Awina Kamis, Izham Abu Bakar, Tauffeck Hj Guntok, Arvina Mathew, Abdul Latif Matali, Eldeon John Baptist, MD Sazali MD Salleh, Mohd Hazwan Hasan, Abdul Haidy Abdul Hamid dan Hinmin Chiam Tah Kong.

Terdahulu, Naib Canselor UMS, Prof Dr. D Kamarudin D Mudin berkata, semua kakitangan UMS termasuk para pegawai pengurusan dan profesional harus mempunyai kesefahaman yang tinggi untuk bersama-sama mencapai setiap perancangan dan hala tuju universiti.

"Setiap usaha yang dijalankan universiti tidak mampu untuk dicapai tanpa kesepakatan bersama.

"Saya juga sentiasa dengan



AZMI Jumat kekal sebagai Presiden PPUMS.

terbuka untuk menerima sebarang cadangan atau idea dari persatuan atau mana-mana kakitangan yang ingin memberikan pandangan terhadap usaha-usaha ke arah kecemerlangan universiti," katanya ketika menyampaikan amanat kepada semua pegawai yang hadir pada mesyuarat itu.

Sementara itu, Pendaftar UMS, No'man Datuk Hj Ahmad ketika menyempurnakan perasmian penutupan mesyuarat agung menyuarakan harapan agar semua pegawai saling bekerjasama sesama mereka.

"Kita tidak mahu wujud duri dalam daging dan cubaan untuk melaga-lagakan kakitangan," kata beliau sambil mengibaratkannya sebagai sel kanser yang merebak dengan cepat dan mampu menjelaskan sesebuah organisasi,



SUASANA pemilihan ahli jawatankuasa tertinggi dan exco pada Mesyuarat Agung Tahunan PPUMS.